*Syarat Wau* : huruf sebelumnya berbaris hadapan, contoh : [يَتلُواْ]

*Syarat Ya* : huruf sebelumnya berbaris bawah, contoh : [نَذِيرٌ]

**س٦– كم حروف المد ؟ واذكرها مع شروطها.**

ج– حروف المد ثلاثة وهى : الألف و الواو و الياء

شرط **الألف** : أن تكون ساكنة مفتوح ما قبلها نحو (( قَالَ ))

شرط **الواو** : أن تكون ساكنة مضموم ما قبلها نحو (( يَتلُواْ ))

شرط **الياء** : أن تكون ساكنة مكسور ما قبلها نحو (( نَذِيرٌ ))

***S – Apakah Dua Huruf Lin itu dan nyatakan syarat kedua-duanya?***
J - Dua Huruf Lin ialah huruf Wau dan Ya yang bertanda mati dan huruf sebelumnya berbaris atas. Contoh : [خَوفٌ] , [بَيتٌ].

**س٧ – ما حرفا اللين وما شروطهما**

ج– حرفا اللين هما : الواو والياء الساكنتين المفتوح ما قبلهما

نحو : ( خَوفٌ ، بَيتٌ )

***S – Berapakah Peringkat Mad itu ?***
J - Peringkat mad ada lima tahap iaitu
1) Mad Lazim, 2) Mad Muttasil, 3) Mad 'Arid Lis Sukun,
4) Mad Munfasil 5) Mad Badal.

**س٨– كم مراتب المد ؟**

ج– مراتب المد خمسة وهى :

اللازم – المتصل – العارض للسكون – المنفصل – البدل .

***S – Sebutkan Bahagian Mad***
***J*** - Mad terbahagi kepada dua bahagian iaitu **Mad Asli** dan **Mad Far'i**

**س٩– اذكر أقسام المد**

ج– ينقسم المد إلى قسمين : أصلي وفرعي .

***S – Apakah takrif Mad Asli*** *?*
J - **Mad Asli** ialah Mad Tobi'e yang berlaku pada huruf tersebut dan bukan terhenti pada sebab huruf hamzah atau tanda mati,

***س١٠ – ما هو المد الأصلي***

***ج– المد الأصلي*** : هو المد الطبيعي الذى لا تقوم ذات الحرف إلا به ولا يتوقف على سبب من همز أو سكون

***S – Dengan apakah memadai pada Mad Asli ?***
J - memadai dengan adanya salah satu dari tiga huruf Mad dengan syaratnya, contohnya terhimpun pada firman Allah swt [نُوحِيهَآ]

**س١١– بماذا يكتفى في المد الأصلي ؟**

ج- بوجود أحد حروف المد الثلاثة بشروطها المجتمعة فى قوله تعالى (( نُوحِيهَآ ))

S - Apakah takrif **Mad Far'i ?**
**J - Mad Far'i** ialah mad tambahan kepada mad Tobi'e dengan sebab adanya huruf hamzah sebelumnya atau huruf hamzah / tanda mati selepasnya.

**س١٢– ما هو المد الفرعي ؟**

ج- المد الزائد على المد الطبيعي بسبب وجود همز قبله أو همز أو سكون بعده .

***S - Sebutkan jenis mad disebabkan huruf hamzah ?***
**J - Huruf Hamzah** adalah sebab kepada tiga jenis mad iaitu **Mad Muttasil, Mad Munfasil** dan **Mad Badal**

**س١٣– اذكر أنواع المد بسبب الهمز**

ج- المد المتصل – المد المنفصل – المد البدل.

***S - Sebutkan jenis mad disebabkan Tanda Mati?***
**J - Tanda Mati** adalah sebab kepada dua jenis mad iaitu **Mad 'Arid lis Sukun** dan **Mad Lazim**

**س١٤– اذكر أنواع المد بسبب سكون**

ج- المد العارض للسكون – المد اللازم .

***S – Nyatakan Hokum Mad.***
J - Hokum mad ada tiga :
1- Wajib
2- Harus
3- Perlu sentiasa memanjangkan bacaannya

**س١٥– اذكر أحكام المد.**

ج- أحكام المد ثلاثة وهى : - الوجوب – والجواز – واللزوم

S – Apakah mad yang Wajib , Harus dan Lazim itu ?
J – 1) Mad Wajib khas pada **mad Muttasil**,
2) Harus mad itu khas pada **mad Munfasil, mad 'Arid lis Sukun** dan **mad Badal**,
Lazim mad itu khas pada **mad Lazim**

**س١٦– ما المد الخاص بالوجوب والجائز واللزوم ؟**

ج- ١) الوجوب خاص بالمد المتصل
٢) الجواز خاص بالمد المنفصل والعارض للسكون والبدال
٣) اللزوم خاص بالمد اللازم

***S –Berapakah Jenis mad Far'i***
J - Jenis mad Far'i ada lima :

| | | |
|---|---|---|
| 1) Mad Muttasil, | 2) Mad Munfasil | 3) Mad Badal, |
| 4) Mad 'Arid Lis Sukun | 5). Mad Lazim | |

**س١٧– كم أنواع المد الفرعي ؟**

ج- أنواع المد الفرعي خمسة وهى :
المد المتصل – المد المنفصل – مد البدل – المد العارض للسكون – المد اللازم.

***S – Apakah Takrif Mad Muttasil dan sebutkannya beserta contoh ?***

J - Takrif Mad Muttasil ialah huruf mad berada di hadapan dan selepasnya bersambung dengan huruf hamzah dalam satu perkataan yang sama.

Contoh : [السَّمَآءُ] , [سِيئَت] , [قُرُوءٍ]

***S – Apakah Hokum Mad Muttasil dan berapa Kadar panjangnya***

J - **Hokumnya** : wajib memanjangkan sebutannya.

**Kadar panjangnya** ialah empat atau lima harakat ketika sambung bacaan dan enam harakat ketika berhenti sekiranya huruf hamzah berada di akhir perkataan.

Contoh : [يَشَآءُ]

***S – Kenapa Dinamakan [متصل] ?***

J - Dinamakan [متصل] kerana huruf mad bersambung dengan huruf hamzah dalam satu perkataan.

***S – Apakah takrif Mad Munfasil dan sertakan contohnya.***

J - Mad Munfasil ialah huruf mad berada di hadapan dalam satu perkataan dan selepasnya huruf hamzah yang berasingan pada awal perkataan lain selepasnya.

Contoh : [يَإِبرَهِيمَ] asalnya [يَا إِبرَهِيمَ]

***S –Apakah Hokum Mad Munfasil dan berapakah Kadar panjangnya ?***

J - **Hokumnya** : harus memanjangkan sebutannya kerana boleh memendekkan dan memanjangkannya. Bacaan pendek ialah dua harakat.

**Kadar panjangnya** ialah empat atau lima harakat

***S – kenapa dinamakan [منفصل] ?***

J - Dinamakan [منفصل] kerana huruf mad berpisah dengan huruf hamzah, kedua-duanya berada dalam dua perkataan yang berasingan

**س١٨– ما تعريف المد المتصل واذكره مع التمثيل.**

**ج– المد المتصل:** هو أن يتقدم حرف المد ويأتي بعده همز متصل به فى كلمة واحدة

**نحو** : ( السَّمَآءُ ) ، ( سِيئَت ) ، ( قُرُوءٍ )

**س١٩– وما حكم المد المتصل وكم مقدار مده**

**حكمه** : وجوب المد

**مقدار مده** : أربع أو خمس حركات فى حالة الوصل وست حركات فى حال الوقف إذا كان الهمز متطرفا نحو : (( يَشَآءُ ))

**س٢٠– لماذا سمى متصلا ؟**

ج– لإتصال حرف المد بالهمز فى كلمة واحدة.

**س٢١– ما هو المد المنفصل مع التمثيل ؟**

**ج– المد النفصل** : هو أن يتقدم حرف المد فى كلمة ويأتي بعده همز منفصل عنه فى أول كلمة ثانية / بداية الكلمة التى تليها نحو : (( يَإِبرَهِيمَ ))

**س٢٢– ما حكم المد النفصل وكم مقدار مده ؟**

**ج– حكمه** : الجواز لجواز قصره ومده فالقصر حركتان / جواز المد والقصر

**مقدار مده** : أربع حركات أو خمس حركات ،

**س٢٣– لماذا سمى منفصلا ؟**

ج– لإنفصال حرف المد عن الهمز لكون كل منهما في كلمة غير الكلمة الأخرى.

***S – Apakah takrif Mad Badal sertaka contohnya?***
J - Mad Badal ialah huruf hamzah berada di hadapan huruf mad.

Contoh : [ءَامَنُوْا] , [إِيمَنًا] , [أُوتُواْ]

***S – Apakah Hokum Mad Badal dan berapakah Kadar panjangnya ?***
J - **Hokumnya** : harus memanjangkan sebutannya kerana boleh memendekkannya bagi semua qurra' (ulamak dalam bidang al Quran) dan boleh membaca pertengahan madnya atau memanjangkannya bagi Warasy.

**Kadar panjangnya** ialah dua harakat bagi semua qurra' dan empat atau enam harakat bagi Warasy

***S – Kenapa dinamakan [بدل] ?***

J - Dinamakan [بدل] kerana huruf mad ditukar daripada jenis yang sama dengan baris huruf sebelumnya.

***S – Apakah takrif Mad 'Arid lis Sukun sertakan contohnya?***
J - Mad 'Arid lis Sukun ialah **sukun 'aridh** (tanda mati yang baru datang) selepas huruf mad ketika **waqf** (berhenti bacaan) sahaja.

Contoh : [المستَقِيمُ] , [العَلَمِينَ] , [نَستَعِينَ]

***S – Apakah Hokum Mad 'Arid lis Sukun dan berapakah Kadar panjangnya ?***
J - **Hokumnya** : harus memanjangkan sebutannya dan memendekkannya .

**Kadar panjangnya** ialah **qasr** (memendekkan bacaan) dua harakat, **tawassud** (bacaan pertengahan) empat harakat dan **mad** (bacaan panjang) enam harakat .

***S – Kenapa Dinamakan [عارض] ?***

J - Dinamakan [عارض] kerana sebab baru datang ketika berhenti bacaan iaitu tanda mati.

**س٢٤– ما هو المد البدل مع التمثيل**

**تعريف المد البدل** : هو أن يتقدم الهمز على حرف المد

نحو : (( ءَامَنُوْا )) (( إِيمَنًا )) (( أُوتُواْ ))

**س٢٥– ما حكم وكم مقدار مده ؟**

**ج– حكمه** : الجواز لجواز قصره لجميع القرأء ، وجوا توسطه ومد لورش.

**مقدار مده** : حركتان فقط لجميع القرأْ وأربع وست حركات لورش.

**س٢٦– لماذا سمى بدلاً ؟**

ج– لأن حرف المد مبدل من جنس حركة ما قبله

**س٢٧– ما هو المد العارض للسكون مع التمثيل ؟**

أن يقع السكون العارض بعد حرف مد فى حالة الوقف

نحو : (( المستَقِيمُ )) ، (( العَلَمِينَ )) ، (( نَستَعِينَ ))

**س٢٨– ما حكم المد العارض للسكون وكم مقدار مده ؟**

**ج– حكمه**: جواز المد والقصر

**مقدار مده** : القصر حركتان ، والتوسط أربع حركات ، والمد ست حركات.

**س٢٩– لماذا سمي عارضاً ؟**

ج– لعروض سببه فى الوقف وهو السكون.

**س٣٠– اذكر الأوجه للمد العارض للسكون إن كان منصوباً ؟**

ج– ثلاثة أوجه وهى : ١) القصر ٢) التوسط ٣)المد بالسكون المحضِ

**نحو** : (( العَلَمِينَ )) .

***S – Sebutkan bentuk mad 'Arid lis Sukun jika ianya nasab (baris atas) ?***

J - terdapat tiga bentuk iaitu **qasr, tawassud** dan **mad** dengan tanda mati semata-mata. contoh : [العَلَمِينَ]

**س٣١– اذكر الأوجه للمد العارض للسكون إن كان مجرورا؟**

ج– أربعة أوجه وهى : ١) القصر ٢) التوسط ٣)المد بالسكون المحضِ

٤) الرَّوم على القصر **نحو** : ( الرَّحِيمِ )

***S – Sebutkan bentuk mad 'Arid lis Sukun jika ianya majrur (baris bawah) ?***

J - terdapat empat bentuk iaitu tiga bentuk di atas (**qasr, tawassud** dan **mad)** dan keempat **raum** pada **qasr** , contoh : [الرَّحِيمِ]

**س٣٢– اذكر الأوجه للمد العارض للسكون إن كان مرفوعاً ؟**

ج– سبعة أوجه وهى :١) القصر ٢) التوسط ٣)المد بالسكون المحضِ

٤) والرَّوم على القصر والتوسط والمد مع الإشمام.

نحو : (( نَستَعِينُ ))

***S – Sebutkan bentuk mad 'Arid lis Sukun jika ianya marfu' (baris hadapan) .***

J - terdapat tujuh bentuk iaitu tiga bentuk di atas (**qasr, tawassud** dan **mad)** dengan tanda mati semata-mata kemudian raum pada **qasr , tawassud, mad** bersama dengan **isymam ,** contoh : [نَستَعِينُ]

**س٣٣– ما هو الرَّوم والإشمام ؟**

ج– **الرَّوم** : الإتيان ببعض الحركة بصوت خفى يسمعه القريب دون البعيد.

**والإشمام** : أن تضم الشفتين بعد إسكان الحرف للوقف إشارة إلى أن الحركة المحذوفة هى الضمة.

***S – Berikan takrif Raum dan Isymam.***

**J - Raum** ialah menyebut setengah harakat dengan suara perlahan yang hanya dapat didengari oleh orang yang berada berdekatan dan tidak dapat didengari oleh orang yang jauh

**Isymam** ialah menghimpunkan dua bibir (memuncungkan dua bibir ke hadapan) selepas mematikan huruf kerana berhenti untuk menunjukkan bahawa baris yang dibuang itu ialah baris hadapan.

## النوع الخامس من أنواع المد الفرعي : ( المد اللازم )

**JENIS MAD FAR'I YANG KELIMA : MAD LAZIM**

**تعريفه:**

Pengertian **mad lazim**

**المد اللازم** : هو أن يأتي بعد حرف المد سكون أصلى ثابت وصلاً ووقفاً فى كلمة واحدة.

Selepas huruf mad terdapat huruf bertanda mati yang asal, ianya wujud ketika bacaan bersambung atau berhenti pada satu perkataan.

**حكمه** : لزوم المد.

**Hukumnya** : perlu dibaca panjang

**مقدار مده** : ست حركات. وهو أقوى المدود.

**Kadar panjangnya** : 6 harakat dan ini adalah bacaan yang paling panjang.

**سببه** : وقوع السكون الأصلى بعد حرف المد. وسمّي لازماً: للزوم مدّه حالة واحدة وهي ست حركات وصلاً ووقفًا

Sebab (dibaca dengan panjang) : huruf bertanda mati yang asal berada selepas huruf mad. Dinamakan Lazim kerana perlu dibaca panjang dalam satu bentuk iaitu 6 harakat ketika bacaan bersambung atau berhenti

**أقسامه :**

ينقسم المد اللازم إلى قسمين :

(١) مد لازم كلمي.

(٢) مد لازم حرفي وكل منهما إما مثقّل وإما مخفف،وبذلك تصير الأقسام أربعة .

**Bahagian mad Lazim**

**Mad Lazim** terbahagi kepada dua bahagian :

1) *Mad lazim kalimi*
2) *Mad lazim harfi*

Kedua-dua bahagian ini terbahgi pula kepada muthaqqal dan mukhaffaf. Oleh itu mad ini mempunyai empat bahagian.

بيان أقسام المد اللازم بالتفصيل:

Penjelasan bahagian mad Lazim secara terperinci:

(٣) الأول : **المد اللازم الكلمي المثقل**

**Pertama : Mad lazim kalimi Muthaqqal**

(٤) وهو أن يقع بعد حرف المد أو اللين سكون أصلي مُدغَم أي مشدّد في كلمة تزيد على ثلاثة أحرف

(٥) نحو : (( الطَّآمَّةُ )) (( أَتُحَجُّونِّ )) (( الحَآقَّةُ ))

Selepas huruf mad terdapat huruf bertanda mati yang asal dan diidghamkan (bersabdu) pada satu perkataan yang mempunyai lebih tiga huruf..

Contoh: ( الطَّآمَّةُ ), ( أَتُحَجُّونِّ ), ( الحَآقَّةُ ).

**Kedua : Mad lazim kalimi Mukhaffaf**

Selepas huruf mad atau huruf lin terdapat huruf bertanda mati yang asal dan tidak diidghamkan pada huruf selepasnya (tidakbersabdu) satu perkataan yang mempunyai lebih tiga huruf.. jenis ini terdapat pada perkataan iaitu dua tempat sahaja dalam surah Yunus

Contoh: (ءَآلئَنَ وَقَد كُنتُم بِهِ), (ءَآلئَنَ وَقَد عَصَيتَ)

**الثاني : المد اللازم الكلمي المخفّف**

وهو أن يقع بعد حرف المد أو اللين سكون أصلي غير مدغم فيما بعده، أي مخفف في كلمة تزيد على ثلاثة أحرف، وقد وقع هذا النوع فى كلمة ( ءَآلْئَنَ ) موضعين فقط بسورة يونس

وهما : (ءَآلئَنَ وَقَد كُنتُم بِهِ) (ءَآلئَنَ وَقَد عَصَيتَ)

**Ketiga : Mad lazim harfi Muthaqqal**

Selepas huruf mad atau huruf lin terdapat huruf bertanda mati yang asal dan diidghamkan (bersabdu pada hurufnya) perkataan yang mempunyai tiga huruf. Yang mana huruf tengahnya adalah huruf mad atau huruf lin..

Contoh: (الم), (طسم)

**الثالث : المد اللازم الحرفى المثقل**

وهو أن يقع بعد حرف المد أو اللين سكون أصليّ مُدْغَم أي مشدّد في هجاؤه على ثلاثة أحرف وسطها حرف مد ولين

نحو : (الم) (طسم).

**Keempat : Mad lazim harfi Mukhaffaf**

Selepas huruf mad atau huruf lin terdapat huruf bertanda mati yang asal dan tidak diidghamkan pada hurufnya (tidakbersabdu) perkataan yang mempunyai tiga huruf. Yang mana huruf tengahnya adalah huruf mad atau huruf lin..

Contoh:(ص) , (ق) yang merupakan permulaan surah Maryam dan Syura

**الرابع : المد اللازم الحرفى المخفّف**

وهو أن يقع بعد حرف المد أو اللين أو بعد حرف اللين سكون أصلي غير مدغم فى حرف هجاؤه على ثلاثة أحرف وسطها حرف مد لين أو حرف لين فقط نحو : (ص) (ق) والعين من فاتحة سورتي مريم والشورى.

Perbezaan antara **mad Lazim Muthaqqal** dan **mad lazim mukhaffaf** ialah kekalnya tanda mati selepas huruf Mad pada mad lazim mukhaffaf. Manakala pad mad lazim muthaqqal kita dapati terdapat huruf mad bersabdu selepas huruf mad. Mad lazim harfi hanyalah pad awal surah. Huruf ini terdapat lapan huruf seperti yang dihimpunkan oleh pengarang Tuhfah : (كَمْ عَسَلْ نَقَصَ) (سَنَقُصُّ غِلْمَكَ)

Huruf yang berasingan (huruf rahsia) di awal surah terdapat 14 huruf yang dihimpunkan oleh pengarang Tuhfah : (صِلْهُ سُحَيْرًا مَنْ قَطَعَكَ)

Huruf-huruf ini terbahagi kepada tiga bahagian:

1) Bahagian yang tidak dibaca panjang pada asalnya iaitu huruf alif (ألف) kerana huruf tengahnya bukan huruf mad.
2) Bahagian yang dibaca panjang 2 harakat iaitu lima huruf yang terhimpun dalam perkataan (حَيٌّ طَهُرَ). Setiap huruf ini terdiri dari dua huruf yang mana huruf keduanya ialah huruf mad. Huruf ha (حاء) : (حم) , huruf ya (ياء) : (كهيعص) (يس), pada awal surah Maryam. Huruf To (طاء) dan Ha (هاء) : (طه) , huruf ra (راء) : (الر) .......pada semua tempatnya.
3) Bahagian yang dibaca panjang 6 harakat iaitu 8 huruf yang dihimpunkan dalam ungkapan : , kecuali huruf ain pada awal surah Maryam dan Syura. Maka boleh panjangkannya 4 harakat dan 6 harakat kerana ditengahnyaada huruf lin dan yang terbaik adalah panjangkan bacaan.

والفرق بين **اللازم المثقل** و **اللازم المخفف**. هو بقاء السكون بعد حرف المد فى اللازم المخخف، أما في اللازم المثقل فنجد حرفا مدًا مشددا بعد حرف المد.

والمد اللازم الحرفى دائما يكون في أوائل السُّوَرِ وذلك يكون في أوائل السور وذلك في ثماني حروف جمعهما صاحب التفحة في قوله : (كَمْ عَسَلْ نَقَصَ) (سَنَقُصُّ غِلْمَكَ)

والحروف المقطعة الموجودة في أوائل السور أربعة عشر حرفا جمعها صاحب التفحة فى قوله: (صِلْهُ سُحَيْرًا مَنْ قَطَعَكَ)

وتنقسم هذه الحروف إلى ثلاثة أقسام :

١- **قسم لا يمد أصلا** وهو الألف لأن وسطه ليس بحرف مد
٢- **قسم يمد حركتين** وهو خمسة أحرف مجموعة في لفظ : (حَيٌّ طَهُرَ) وكل حرف منها مكون من حرفين ثانيهما حرف مد، فالحاء من : (حم) والياء : (يس) و (كهيعص) أول مريم. والطاء والهاء (طه) والراء من: (الر) في جميع مواضعها.
٣- **قسم يمد ست حركات** وهى الحروف الثمانية المجموعة في قوله : (كَمْ عَسَلْ نَقَصَ) عدا العين من أول سورتي مريم والشورى، فيجوز فيها التوسّط أربع حركات والمدّ ست حركات لأن وسطها حرف لين والأفضل المدّ.

## *WAQF* DAN *IBTIDA'*

*S – Berikan takrif Waqf dari sudut bahasa dan istilah ?*
J - *Waqf* dari sudut bahasa ialah menahan / berhenti.
Dari sudut istilah : memutuskan (bacaan) satu perkataan daripada perkataan selepasnya dalam kadar masa singkat untuk pembaca bernafas dengan niat akan menyambung bacaannya itu semula.

*S – Biakah Waqf berlaku dan keadaan tidak boleh waqf ?*
J - Perkara ini berlaku pada akhir ayat atau pada akhir surah. Ia tidak berlaku di tengah perkataan atau perkataan yang bersambung tulisannya.

*S – Nyatakan pengertian [السكت] dari sudut bahasa dan istilah.*

J - [السكت] dari sudut bahasa ialah menahan.

Dari sudut istilah ialah memutuskan (bacaan) satu perkataan daripada perkataan selepasnya dalam kadar masa singkat tanpa bernafas dengan niat menyambung bacaannya itu semula.

*S – Nyatakan perkataan yang dibaca saktah oleh Imam Hafs melalui tarikah Syatibiyah .*
J - Perkataan tersebut ialah :

- Huruf [alif] pada ayat [ولم يجعل له عوجا] surah al Kahfi.
- Huruf [nun] pada ayat [وقيل من راق] surah al Qiamah.
- Huruf [lam] pada ayat [بل ران] surah al Mutafifin.
- Huruf [alif] pada ayat [من بعثنا من مرقدنا] surah Yasin.

## ١٢) الوقف والابتداء

**س١– عرّف الوقف لغة واصطلاحا**

**ج– الوقف لغة**: الحبس

**واصطلاحا**: قطع الكلمة عما بعدها مقدارا من الزمن يتنفس فيه القارئ بنيه العودة الى القراءة

**س٢– متى كون الوقف ومتى لا يكون ذلك ؟**

ج– يكون ذلك في آخر الآية أو في آخر السورة. كما أنه لا يكون وسط الكلمة أو ما اتصل رسما.

**س٤– اذكر تعريف السكت لغة واصطلاحا.**

**ج– السكت لغة** : المنع.

**واصطلاحا**: قطع الكلمة عما بعدها مقدارا من الزمن من غير تنفس بنية استئناف القراءة.

**س٥– اذكر الكلمات التي سكت الامام حفص من طريق الشاطبية**

ج– ١) ألف (عوجا) من قوله تعالى: (ولم يجعل له عوجا) – الكهف :
٢) نون (من) من قوله تعالى: (وقيل من راق) – القيامة :
٣) لام (بل) من قوله تعالى: (بل ران) – المطففين :
٤) ألف (مرقدنا) من قوله تعالى: (من بعثنا من مرقدنا) بسورة يس.

*S – Berikan takrif [القطع] dari sudut bahasa dan istilah.*

J - [القطع] dari sudut bahasa ialah menghilang.

Dari sudut istilah ialah memutuskan (bacaan) satu perkataan daripada perkataan selepasnya dalam kadar masa singkat dengan bernafas tanpa niat menyambung bacaannya itu semula.

**س٦– عرّف القطع لغة واصطلاحا**

**ج– القطع لغة**: الازالة.

**واصطلاحا**: قطع الكلمة عما بعدها مقدارا من الزمن مع التنفس بعدم نية العودة الى القراءة.

*S – Bilakah berlakunya [القطع] ?*

J - [القطع] berlaku di akhir surah atau sekurang-kurangnya kepala ayat.

**س٧– متى يكون القطع ؟**

ج– يكون القطع في أواخر السور أو رؤس الآي على الأقل.

*S – Apakah yang disunatkan kepada pembaca ketika menyambung semula bacaannya ?*
J - Pembaca disunatkan ketika menyambung semula bacaannya agar membaca *isti'azah* kerana mengikut perintah Allah swt.

Dalilnya, firman Allah swt :
[Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang kena rejam] surah al Nahli : 98

**س٨– ماذا يستحب للقارئ حين العودة الى القراءة**

ج– يستحب للقارئ حين العودة الى القراءة أن يستعيذ بالله من الشيطان الرجيم

الدليل : (فاذا قرأت القرءان فاستعذ بالله من الشيطان الرجيم) – النحل:٩٨

*S – Apa erti Ibtida' ?*
*J - Ibtida'* ialah memulakan bacaan selepas berhenti atau berhenti saktah semasa membaca al Quran.

**س٩– ما هو الابتداء ؟**

**ج– الابتداء**: هو استئناف القراءة بعد الوقف أو بعد السكوت في اثناء القراءة.

*S – Berapakah Bahagian Waqf*
*J - Waqf* terbahagi kepada empat bahagian:
1- [وقف اضطراري] berhenti secara terpaksa
2- [وقف انتظاري] berhenti kerana menunggu
3- [وقف اختباري] berhenti untuk memberitahu
4- [وقف اختياري] berhenti secara pilihan

**س١٠– إلى كم ينقسم الوقف ؟**

ج– ينقسم الوقف الى أربعة أقسام وهي:

١) وقف اضطراري ٢) وقف انتظاري

٣) وقف اختباري ٤) وقف اختياري.

*S – Apa erti Waqf Idtirari ?*

[وقف اضطراري] ialah Situasi yang berlaku kepada pembaca ketika membaca al Quran dengan sebab tertentu seperti putus nafas, sesak, bersin dan batuk.

S – Bagaimana [وقف اضطراري] berlaku ?

J - Pembaca boleh berhenti pada mana-mana perkataan apabila terpaksa berbuat demikian, kemudian menyambung kembali dengan memulakan pada perkataan yang ia berhenti sekiranya boleh dimulakan bacaan itu. Jika tidak maka mulakan dengan perkataan sebelumnya.

*S – Apakah erti Waqf Intizori ?*

J - [الوقف الانتظاري] ialah berhenti pada perkataan untuk menerangkan bentuk-bentuk qiraat (bacaan) yang ada pad perkataan tersebut atau untuk menjelaskan tentang *maqtu'* (perkataan yang dipisahkan dengan perkataan lain selepasnya dalam tulisan mashaf uthmani, cth: [عَن مَّا ، كُلَّ مَا]) atau *mausul* (perkataan yang disambung dengan perkataan lain selepasnya dalam tulisan mashaf uthmani, cth: [عَمَّا ، كُلَمَا]) bagi perkataan dalam al Quran.

*S – Apakah takrif Waqf Ikhtibari ?*

J - [الوقف الاختباري] ialah berhenti pada sesuatu perkataan yang bukan tempat berhenti, ini kerana keperluan seperti untuk menanyakan pelajar (yang membaca ayat tersebut) atau untuk menjelaskan hokum-hukum tajwid

*S – Nyatakan Pengertian Waqf Ikhtiari ?*

J - [الوقف الاختياري] ialah pembaca berhenti pada perkataan dengan semata-mata pilihannya tanpa apa-apa keuzuran, terpaksa atau soalan guru kepada pelajarnya.

**س١١– ما الوقف الاضطراري ؟**

ج– **الوقف الاضطراري**: ما يعرض للقارئ أثناء قراءته بسبب كانقطاع نفسه أو ضيقه أو عطاس أو سعال

**س١٢– كيف يكون الوقف الاضطراري ؟**

ج– للقارئ الوقف على أي كلمة متى دعته الضرورة الى ذلك ثم يعود فيبدأ بالكلمة التي وقف عليها ان صح الابتداء و إلا فالابتداء بما قبلها.

**س١٣– ما تعريف الوقف الانتظاري ؟**

ج– **الوقف الانتظاري**: الوقف على الكلمة لبيان ما بها من أوجه القراءات, أو لبيان المقطوع والموصول من الكلمات القرءانية.

**س١٤– ما تعريف الوقف الاختباري ؟**

ج– **الوقف الاختباري**: الوقف على كلمة ليست محلا للوقف وذلك لحاجة، كسؤال ممتحن أو لبيان حكم من أحكام التجويد

**س١٥–اذكر تعريف الوقف الاختياري:**

ج– **الوقف الاختياري** : أن يقف القارئ على الكلمة بمحض اختياره من غير عذر أو ضرورة أو سؤال ممتحن.

*S – Berapakah Bahagian Waqf Ikhtiari ?*
J - *Waqf Ikhtiari* terbahagi kepada empat bahagian :

1- [وقف تام] berhenti sempurna  2- [وقف كاف] berhenti yang memadai

3- [وقف حسن] berhenti yang baik  4- [وقف قبيح] berhenti yang tidak elok

*S – Berikan takrif [**وقف تام**] ?*

J - [**وقف تام**] ialah berhenti pada ayat yang lengkap yang tidak ada kaitan dengan perkataan selepasnya sama ada dari segi lafaz *(ʻirab*nya) atau maksudnya.

*S – Bilakah berlakunya waqf tam dan sertakan contohnya ?*
J - *waqf tam* biasanya pada akhir ayat, akhir kisah dan pertengahan ayat-ayat.
Contoh :
[الحمد لله رب العلمين] ,

*S – Apakah simbol waqf tam dalam mashaf Uthmani dan apa maksudnya ?*

J - simbol *waqf tam* dalam mashaf Uthmani ialah [قلى]. Ertinya tanda berhenti yang dibolehkan dan berhenti itu adalah lebih baik.

*S – Kenapa dinamakan [تام] ?*

J - Dinamakan [تام] kerana ayat telah lengkap dan tidak memerlukan (penambahan) dari perkataan selepasnya

S – Apakah takrif [وقف كاف] ?

J - [وقف كاف] ialah berhenti pada ayat yang lengkap yang tidak ada kaitan dengan perkataan selepasnya dari segi maksudnya sahaja tidak pada lafaz (ʻirabnya).

**س١٦– كم أقسام الوقف الاختياري ؟**

ج– ينقسم الوقف الاختياري الى أربعة أقسام وهى:

١) وقف تام  ٢) وقف كاف

٣) وقف حسن  ٤) وقف قبيح.

**س١٧– عرّف الوقف التام ؟**

ج– **الوقف التام** : الوقف على كلام تام غير متعلق بما بعده لفظا ومعنى

**س١٨– متى يكون الوقف التام ؟ هات مثاله.**

ج– يكون الوقف التام في أواخر الآيات وأواخر القصص وأواسط الآيات

مثال: (الحمد لله رب العلمين)

**س١٩– ما رمز الوقف التام في المصحف ؟ وما معناها ؟**

ج– ورمز في المصحف (قلى) ومعناها : علامة الوقف الجائز مع كون الوقف أولى.

**س٢٠– لماذا سمي تاما ؟**

ج– سمي تاما لتمام الكلام به واستغنائه عما بعده.

**س٢١– ما تعريف الوقف الكافي ؟**

ج– **الوقف الكافي** : الوقف على كلام تام غير متعلق بما بعده معنى لا لفظا

**س٢٢– كيف يكون الوقف الكافي ؟**

ج– يكون الوقف الكافي في أواخر الآيات، نحو: (كل له قنتون) ، وفي أثناء الآيات، نحو: (قال رب اني لا أملك الانفسي وأخي)

*S – Bagaimana berlakunya waqf kafi ?*

*J - Waqf kafi* biasanya pada akhir ayat, contoh : [كل له قنتون], juga dipertengahan ayat, contoh : [قال رب اني لا أملك الانفسي وأخي]

**س٢٣– ما رمز الوقف الكافي في المصحف ؟ وما معناها ؟**

ج– ورمزه في المصحف: (صلى) ومعنها: علامة الوقف الجائز مع كون الوصل أولى.

*S – Apa simbol Waqf kafi dalam mashaf Uthmani dan apa maksudnya ?*

J - simbol *Waqf kafi* dalam mashaf Uthmani ialah [صلى]. Ertinya tanda berhenti yang dibolehkan dan menyambung bacaan itu adalah lebih baik.

**س٢٤– لماذا سمى كافيا ؟**

ج– سمى كافيا للاكتفاء به واستغنائه عما بعده.

*S – Kenapa dinamakan [كافي] ?*

J - Dinamakan [كافي] kerana ayat itu telah cukup untuk (difahami) dan tidak memerlukan (penambahan) dari perkataan selepasnya

**س٢٥– ما تعريف الوقف الحسن ؟**

ج– **الوقف الحسن** هو الوقف على كلام تام متعلق بما بعده لفظا ومعنى.

*S – Apa takrif [وقف حسن] ?*

J - [وقف حسن] ialah berhenti pada ayat yang lengkap yang ada kaitan dengan perkataan selepasnya sama ada dari segi lafaz *(‘irab*nya) atau maksudnya.

**س٢٦– لماذا سمي حسنا ؟**

ج– سمي حسنا لافادة فائدة يحسن السكوت عليها.

*S – Kenapa dinamakan [حسن] ?*

J - Dinamakan [حسن] kerana ayat boleh difahami oleh orang yang mendengarnya.

**س٢٧– متى يكون الوقف الحسن ؟**

ج– يكون الوقف الحسن في أواخر الآيات نحو: (فلا صريخ لهم ولا هم ينقذون) وفي أثنائها نحو: (يأيها المزمل) (قم الليل الا قليلا).

S – Bilakah berlakunya *waqf hasan* ?

J - *Waqf hasan* biasanya pada akhir ayat, contoh : [فلا صريخ لهم ولا هم ينقذون], juga dipertengahan ayat-ayat, contoh : [يأيها المزمل] , : [قم الليل الا قليلا]

*S - Apa Hukum Waqf Tam ?*

J – 1) Apabila ianya adalah awal ayat elok berhenti padanya dan mulakan bacaan pada perkataan selepasnya seperti berhenti pada perkataan [العالمين] bagi ayat [الحمد لله رب العلمين].

2) Apabila ianya bukan di awal ayat seperti berhenti pada [الحمد لله] elok berhenti padanya tanpa mulakan bacaan pada perkataan selepasnya

**س٢٨– ما حكم الوقف الحسن ؟**

**ج–** ١) اذا كان رأس آية يحسن الوقف عليه والابتداء بما بعده كالوقف على العالمين : (الحمد لله رب العلمين)

٢) اذا لم يكن رأس آية كالوقف على الحمد لله حسن الوقف عليه دون الابتداء بما بعده

*S – Apa erti [وقف قبيح] ?*

J - [وقف قبيح] ialah berhenti pada ayat yang tidak lengkap dan ada kaitan dengan perkataan selepasnya seperti berhenti pada *mubtada* (subjek) tanpa *khabar* (prediketnya).

**س٢٩– ما الوقف القبيح ؟**

**ج– الوقف القبيح:** الوقف على مالا يتم الكلام به ولا ينقطع عما بعده كالوقف على المبتدأ دون خبره

*S – Kenapa dinamakan [قبيح] ?*

J - Dinamakan [قبيح] kerana tidak elok berhenti kecuali kerana terpaksa.

**س٣٠– لماذا سمي قبيحا ؟**

**ج–** سمي قبيحا لقبح الوقف عليه الا لضرورة.

*S – Apa Hukum waqf qabih ?*

J – Hukumnya : Tidak boleh berhenti kecuali kerana terpaksa seperti semput nafas.

**س٣١– ما حكم الوقف القبيح ؟**

ج– **حكمه** : لايجوز الوقف عليه الا لضرورة كضيف النفس

S – Apakah *waqf* dan *ibtida*’ yang paling buruk ?

J - *waqf* dan *ibtida*’ yang paling buruk ialah *waqf* dan *ibtida’* yang maknanya kesamaran dan menyalahi maksud sebenar, seperti :

1) *waqf* pada perkataan [لا يستحيي] bagi ayat [ان الله لا يستحى أن يضرب مثلا]

**س٣٢– ما أقبح القبح ؟**

**ج–** أقبح القبح الوقف الابتداء الموهمان خلاف المعنى المراد كالوقف على لا يستحيي من (ان الله لا يستحى أن يضرب مثلا)

.

**Hamzah wasl**

*S – Berikan takrif Hamzah Wasl* ?
J - *Hamzah Wasl* ialah huruf yang berada di awal perkataan dan ia tidak disebut ketika menyambung bacaan perkataan pertama dengan perkataan kedua.

*S – Kenapa dinamakan hamzah Wasl ?*
J - Dinamakan hamzah Wasl kerana ia membolehkan sebutan huruf yang mati. Hamzah Wasl terdapat pada isim (kata nama), fe'el (kata kerja) dan harf (seperti huruf lam ma'rifah, huruf hamzah – kata Tanya).

*S – Nyatakan tempat Hamzah Wasl pada isim (kata nama) ?*
J - **Hamzah Wasl** yang berada pada **isim** (kata nama) :

1- kata terbitan bagi kata kerja kala lampau, contoh : [افتراء]

2- kata terbitan bagi kata kerja kala lampau, contoh : [استكبارا]

3- tujuh kata nama am iaitu :

i- [ابن] contoh : [عيس ابن مريم]

ii- [ابنت] contoh : [ابنت عمران]

iii- [ابنت] contoh : [ابنت عمران]

iv- [امرؤا] contoh : [ان امرؤا هلك ليس له ولد]

v- [ اسم] contoh : [امرأت عمران] , [امرأتين تذودان]

vi- [اثنين] contoh : [وقال الله لاتتخذوا الهين اثنين]

vii- [اثنتين] contoh : [فان كانتا اثتين فلهما الثلثان مما ترك]

S – Apakah Hokum / (cara) mulakan bacaan dengan hamzah Wasl pada kata nama ?
J – Dengan baris bawah huruf hamzah

## ١٣) همزة الوصل

**س١– عرّف همزة الوصل ؟**

ج– **همزة الوصل** هي التي تثبت في أول الكلام وتحذف حالة وصل الكلام بعضه ببعض.

**س٢– لماذا سميت همزة الوصل ؟**

ج– سميت **همزة الوصل** لأنه يتوصل بها الي النطق بالحرف الساكن، وتكون في الأسماء والأفعال والحروف.

**س٣– اذكر مكان همزة الوصل في الأسماء مع المثال.**

ج– ١) مصدر الفعل الماضي الخماسي نحو: (افتراء)

٢) مصدر الفعل الماضي السداسي نحوه: (استكبارا)

٣) الأسماء السبعة المنكرة وهي:

* (ابن) نحو: (عيس ابن مريم) (ابنت) نحو: (ابنت عمران)

* (امرؤا) نحو: (ان امرؤا هلك ليس له ولد)

* (اسم) نحو: (امرأت عمران) (امرأتين تذودان)

* (امرأت) نحو: (امرأت عمرن) ، (امرأتين تذودان)

* (اثنين) نحو: (وقال الله لاتتخذوا الهين اثنين)

* (اثنتين) نحو: (فان كانتا اثتين فلهما الثلثان مما ترك)

**س٤– ما حكم البدء بهمزة الوصل في هذه الأسماء ؟**

ج– بكسر الهمزة.

*S - Nyatakan Hamzah Wasl yang berada pada fe'el (kata kerja) ?*
J - **Hamzah Wasl** yang berada **pada fe'el** (kata kerja) :
i- kata kerja perintah daripada kata kerja kala lampau binaannya tiga huruf , contoh : [أعلم] , [اضرب]

ii- kata kerja kala lampau binaannya lima huruf, contoh : [انطلق] , [انقلب].

iii- kata kerja kala lampau binaannya enam huruf, contoh : [استكبر] , [استغفر].
iv- kata kerja perintah daripada kata kerja kala lampau binaannya lima huruf, contoh : [انطلق]
v- kata kerja perintah daripada kata kerja kala lampau binaannya enam huruf, contoh : [استغفر].

S – Apakah hokum / (cara) mulakan bacaan dengan hamzah Wasl pada kata kerja ?
hokum / (cara) mulakan bacaan dengan hamzah Wasl pada kata kerja:

1) dengan hamzah berbaris depan apabila apabila huruf ketiga kata kerja itu berbaris hadapan yang tidak berubah, contoh : [ادع] , [اخرج]
2) dengan baris bawah hamzah apabila huruf ketiga kata kerja itu berbaris atas atau bawah , contoh : [استغفر] , [ارجع]
Atau huruf ketiga kata kerja itu berbaris hadapan yang boleh berubah, contoh : [ائتوا] , [ابنوا] , [اقضوا].

*S – Sebutkan tempat Hamzah Wasl yang berada pada harf ?*

J - **Hamzah Wasl** berada pada huruf lam pada [أل], contoh : [الرحمن]

S – Apa hokum / (cara) mulakan bacaan dengan hamzah Wasl yang berada pada huruf lam [أل] ?
J - dengan baris atas hamzah

S Apakah hokum apabila berada pada hamzah wasl berada selepas hamzah istifham (*kata Tanya*) .
J - wajib dibuang hamzah wasl, contoh : [أطلع الغيب] , [اصطفى البنات]. Kerana bentuk asalnya ialah [أأطلع] , [أأصطف].

**س٥– اذكر مكان همزة الوصل** في الأفعال **مع المثال.**

ج– ١) أمر الفعل الماضي الثلاثي نحو: (أعلم) (اضرب)
٢) الماضي الخماسي نحو: (انطلق) (انقلب)
٣) الماضي السداسي نحو: (استكبر) (استغفر)
٤) أمر الفعل الماضي الخماسي نحو: (انطلق)
٥) أمر الماضي السداسي نحو: (استغفر)

**س٦– ما حكم البداء بهمزة الوصل في هذه الأفعال ؟**

ج– ١) بضم الهمزة اذا كان ثالث الفعل مضموما ضما لازما نحو: (ادع) (اخرج)
٢) بكسر الهمزة اذا كان ثالث الفعل مفتوحا او مكسورا نحو: (استغفر)
أو كان مضموما ضما عارضا نحو: (اقضُوا) .

**س٧– اذكر مكان همزة الوصل في الحرف ؟**

ج– تكون مع حرف اللام في [أل] نحو: (الرحمن).

**س٨– كيف يبدأ بهمزة الوصل التي تدخل على لام [أل] ؟**

ج– يبدأ بالفتح نحو: (الصحف) (البروج).

**س٩– ما حكم اذا وقعت همزة الوصل بعد همزة الاستفهام ؟**

ج– وجب حذف همزة الوصل نحو: (أطلع الغيب) إذ أصله (أأطلع)

**س١٠ – ما حكم اذا وقعت همزة الوصل بين الهمزة الاستفهام ولام التعريف ؟**

ج- لايجوز حذف همزة الوصل بل يجب تسهيلها بين الهمزة والألف أو ابدالها حرف مد مشبعا ست حركات نحو: (ءآلئن).

S – Apa hokum apabila hamzah wasl berada di antara hamzah istifham dan lam ma'rifah ?
J - tidak boleh dibuang bahkan wajib dibaca secara tashil di antara hamzah dan alif atau tukarkan hamzah wasl itu sebagai huruf mad dibaca 6 harakat,

contoh : [ءآلئن].

**س١١ – اذكر وجه الوقف والبدء من كلمة (بئس الاسم) ؟**

ج- الوقف على (بئس) ويبتدئ بكلمة (الاسم) فله وجهان:

**الأول** : البدء بهمزة الوصل مفتوحة (الاسم)

**الثاني**: ترك الهمزة الوصل والبدء باللام مكسورة: (لاسم).

*S– Sebutkan bentuk berhenti bacaan dan mulakan bacaan pd perkataan [بئس الاسم] ?*

J - Berhenti pada [بئس] dan mulakan bacaannya semula dengan perkataan [الاسم], terdapat dua bentuk :

i) mulakan dengan hamzah wasl berbaris atas : [الاسم]

ii) meninggalkan hamzah wasl dan mulakan bacaan dengan lam berbaris bawah : [لاسم]